



Medic Plan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Perkasakan hidupmu.



PERLINDUNGAN YANG BERTERUSAN

Ketepikan kerisauan anda dan nikmati hidup anda sebaiknya dengan melanggan **Medic Plan**, pelan perlindungan perubatan yang paling bermakna.

Medic Plan menyediakan manfaat perubatan yang ideal untuk anda dengan hanya beberapa klik sahaja dan yang paling penting anda dapat membina pelan perlindungan tanpa had seumur hidup anda sendiri!



BAGAIMANAKAH MEDIC PLAN MEMBERIKAN ANDA PERLINDUNGAN YANG TERBAIK?

Perlindungan yang Hebat	Menyediakan anda dengan pelbagai perlindungan daripada kecederaan akibat kemalangan hingga kemasukan ke hospital serta rawatan pesakit luar termasuk rawatan kanser dan dialisis buah pinggang.
Senang untuk Dilanggan	Hanya jawab 3 soalan berkaitan dengan kesihatan anda ketika melanggan di www.prbsn.com.my .
Manfaat Tunai Harian	Selain daripada bil-bil hospital anda yang akan dibayar balik, anda juga akan menerima manfaat tunai harian sebanyak RM50 sehari jika anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia ¹ .
Perlindungan Khusus	Tentukan perlindungan perubatan anda sendiri dari serendah RM4 sehari, tertakluk kepada jumlah deduktibel yang dipilih bersesuaian dengan keperluan anda.

JADUAL MANFAAT

MANFAAT	AMAUN MANFAAT
Manfaat Bilik & Penginapan	
Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian (maksimum 120 hari setahun)	Sehingga RM150 sehari
Manfaat Hospital & Pembedahan	
1. Manfaat Unit Rawatan Rapi/Unit Rawatan Jantung (maksimum 30 hari setahun)	Seperti yang Dicaj ² , tertakluk pada Deduktibel
2. Manfaat Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan <ul style="list-style-type: none"> • Manfaat Pembedahan • Bekalan dan Khidmat Hospital • Bilik Pembedahan • Bayaran Pakar Bius • Lawatan Doktor Pakar Dalam Hospital 	
Manfaat Rawatan Pesakit Luar	
1. Manfaat Rawatan Sebelum Masuk Hospital (dalam tempoh masa 30 hari sebelum masuk hospital)	Seperti yang Dicaj ² , tertakluk pada Deduktibel
2. Manfaat Rawatan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh masa 90 hari selepas keluar hospital)	
3. Manfaat Pembedahan Harian	Seperti yang Dicaj ²
Manfaat Tambahan	
1. Manfaat Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Sehingga RM5,000 setahun
2. Manfaat Tunai Harian Hospital Kerajaan (maksimum 120 hari setahun)	RM50 sehari
3. Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar	Seperti yang Dicaj ²
4. Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	
DEDUKTIBEL	
Nota:	
a. Deduktibel adalah sebahagian daripada jumlah Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan daripada suatu manfaat yang layak yang harus dibayar oleh peserta untuk sebarang hilang upaya. Contohnya, jika anda memilih deduktibel sebanyak RM1,000, anda mesti membayar RM1,000 yang pertama daripada jumlah Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan untuk sebarang hilang upaya. Kami kemudian akan membayar jumlah Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang selebihnya untuk manfaat yang layak bagi tuntutan yang berkaitan.	RM1,000; atau RM2,000; atau RM3,000
b. Sekiranya anda dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia (seperti yang disenaraikan di dalam laman web kami), deduktibel akan dikurangkan kepada RM100, RM200 atau RM300, tertakluk pada terma dan syarat.	
HAD TAHUNAN	RM100,000
HAD SEUMUR HIDUP	Tiada Had Seumur Hidup

¹Hospital Kerajaan Malaysia ditakrifkan sebagai sebuah hospital milik kerajaan yang diiktiraf di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia di mana caj-caj perkhidmatan tertakluk kepada Akta Yuran 1951 Yuran (Perubatan) Perintah 1982 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan yang boleh menggantikannya pada masa akan datang.

²Kami hanya akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan bagi manfaat yang layak yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan.

BERAPAKAH SUMBANGAN SAYA?

Amaun sumbangan anda adalah bergantung kepada:

- Umur
- Kelas pekerjaan
- Amaun deduktibel

Anda akan membuat pembayaran sumbangan sehingga tamat tempoh sijil dan amaun sumbangan akan berubah apabila umur anda meningkat.

SIAPAKAH YANG BOLEH MENYERTAI PELAN INI?

Anda boleh menyertai pelan ini dari umur 19 tahun hingga 45 tahun.

APAKAH CAJ-CAJ DAN POTONGAN?

Medic Plan adalah berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, yang merupakan persetujuan untuk kami menguruskan sijil anda. Kami akan mengenakan Caj *Wakalah* sebagai upah kepada perkhidmatan yang disediakan. Atas dasar *Ta`awun* (bantuan bersama), kami akan meletakkan sebahagian daripada sumbangan anda selepas menolak Caj *Wakalah* sebagai *Tabarru`* (derma) ke dalam Dana *Tabarru`*.

Jadual di bawah menunjukkan butiran lanjut mengenai caj-caj dan potongan.

Caj <i>Wakalah</i>	Caj ini digunakan untuk membayar perbelanjaan berkaitan dengan pengurusan sijil anda. Caj ini adalah 20% daripada sumbangan anda.
Potongan <i>Tabarru`</i>	Amaun sumbangan selepas ditolak Caj <i>Wakalah</i> yang akan diletakkan di dalam Dana <i>Tabarru`</i> untuk membayar perlindungan takaful.

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini, dan merujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk butiran ciri-ciri penting pelan ini.
2. Ini adalah pelan takaful keluarga perubatan yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan sehingga umur 70 tahun, tertakluk pada pembaharuan. Ianya tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Dana *Tabarru`* apabila berlaku penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
3. Sumbangan yang dibayar akan berubah mengikut umur, kelas pekerjaan dan pilihan deduktibel pada ulang tahun sijil seperti yang diilustrasikan di dalam Lampiran Keterangan Produk. Sumbangan, Caj *Wakalah* dan Potongan *Tabarru`* adalah tidak dijamin dan PruBSN berhak menyemak semula sumbangan, Caj *Wakalah* dan Potongan *Tabarru`* atas sebab-sebab yang tidak diingini seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perkhidmatan perubatan yang tinggi, dengan memberikan anda 30 hari notis bertulis. Kadar yang diubah akan berkuatkuasa pada ulang tahun sijil yang seterusnya.

NOTA-NOTA PENTING

4. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas tarikh sijil dikeluarkan bagi membolehkan semakan dibuat sekiranya ia memenuhi keperluan anda. Jika sijil dibatalkan dalam tempoh ini, PruBSN akan membayar balik sumbangan yang telah anda bayar.
5. **Medic Plan** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta`awun*) di mana sumbangan selepas penolakan Caj *Wakalah* Pendahuluan, dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk Caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
6. Anda boleh menyerahkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh rujukan percuma. Walau bagaimanapun sijil ini tidak memberikan sebarang nilai serahan dan bayaran balik sumbangan. Sebaliknya, perlindungan anda akan diteruskan sehingga ulang tahun sijil selepas notis penyerahan sijil anda.
7. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda akan ditamatkan selepas tempoh tangguh selama 30 hari dari tarikh sumbangan patut dibayar.
8. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) selepas setiap akhir tahun kewangan. Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian agihan lebihan anda akan dikreditkan terus ke dalam akaun anda melalui e-kredit. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
9. Sebarang rujukan umur adalah berdasarkan Tarikh Lahir akan Datang.
10. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda. Anda juga perlu menilai kemampuan dan kesesuaian pelan berhubung matlamat kewangan anda dan risiko yang boleh diterima.
11. Untuk **Medic Plan**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
12. Jika terdapat perbezaan atau kekaburuan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

PENGECUALIAN

Pelan ini tidak melindungi kemasukan ke hospital atau pembedahan atau caj-caj yang secara langsung atau secara tidak langsung, secara keseluruhannya atau sebahagiannya yang disebabkan oleh salah satu daripada yang berikut:

1. Keadaan Sedia Ada jika keadaan tersebut tidak dinyatakan kepada PruBSN.
2. Penyakit spesifik yang berlaku semasa seratus dua puluh (120) hari dari tarikh permulaan.

PENGECUALIAN

3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal dan tanda-tanda atau gejala-gejalanya yang berlaku dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan, kecuali kecederaan akibat kemalangan.
4. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan yang berlaku semasa tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan.
5. Pembedahan plastik atau kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasaan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, kardioverter defibrillator automatik yang diimplan dan preskripsi yang berkaitan.
6. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan untuk memulihkan fungsi pada gigi asal yang sihat yang berlaku semasa sijil berkuatkuasa.
7. Rawatan bersifat eksperimen, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan bukan konvensional, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan biasa, dan yang belum disahkan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia.
8. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau penjagaan sanitasi.
9. Penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit boleh berjangkit yang memerlukan kuarantine di sisi undang-undang.
10. Untuk **Medic Plan**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
11. Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau bersalin dan komplikasinya, kehamilan, kehamilan semasa dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, pengguguran kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan disebabkan oleh psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
12. Terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, terapi sel stem, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau pembedahan bariatric.
13. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.

PENGECUALIAN

14. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, aktiviti jenayah atau keganasan, serangan musuh asing, berkecimpung dalam mana-mana angkatan bersenjata, menyertai mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, revolusi atau sebarang operasi peperangan.
15. Radiasi ion atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
16. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ anda dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
17. Pemeriksaan dan rawatan apnea tidur dan gangguan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksologi, pemulihan tulang, terapi oksigen hiperbarik, rawatan pakar herba, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
18. Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana insurans/takaful atau indemniti lain yang melindungi anda, dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Takaful Pampasan Pekerja.
19. Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
20. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan dan perbelanjaan bukan perubatan yang lain.
21. Mengambil bahagian dalam sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kakii), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
22. Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan.
23. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina.
24. Penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, konservasi keadaan anda atau pemulihan keadaan kesihatan anda seperti sebelumnya.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



PERTOLONGAN BERSAMA



**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "***Ta`awun***" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru` at*** (**kebajikan**) secara semulajadi.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Medic Plan adalah produk patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2053 7188



customer@prbsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan kepada 33080



www.facebook.com/prbsn



www.instagram.com/prbsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Mei 2020.